

# 101 Mutiarara

*Cinta*

*"Mimpikannya,  
khayalkannya,  
anggapkan cintanya  
sudah menjadi milik  
anda hari ini!"*

**Razzi Rahman**

♥ @Brother Love

# 101 Mutiara Cinta

Razzi Rahman @ Brother Love



Assalamualaikum... Bertemu lagi kita di ruangan cinta abadi ini. Tersapu angin ke muka meniup, membelai mesra sehingga damai rasanya jiwa di kala menulis 'Mutiara Cinta' ....malah, udara yang begitu nyaman ini juga sudah pastinya memberi kesegaran kepada diri saya. Tentunya perasaan cinta, yang dibuai-buai ini akan selalu asyik dirasai.

Pada kali ini, dengan penuh perasaan rendah diri, saya persembahkan sebuah e-book yang amat berguna berjudul, 101 tip Mutiara cinta, yang menyingkap segala masalah, halangan dan pengertian di dalam sesebuah perhubungan cinta yang sebenar untuk anda lebih memahami erti cinta di dalam sesebuah perhubungan.

Harapan saya, agar anda semua mendapat pengajaran dan boleh mempraktikkan di dalam kehidupan cinta yang sedia ada mau pun yang bakal ditempuhi. Alangkah leganya di hati sekiranya anda mendapat manfaat dari ebook ini dan boleh menjadikan ianya satuRazzi Rahman persediaan masa depan.



***“Mimpikannya, khayalkannya, anggapkan cintanya sudah menjadi milik anda hari ini!”***

Razzi Rahman @ Brother Love  
“Penyanyi & Penulis buku/ebuku Cinta Popular”

website : [www.razzirahman.com](http://www.razzirahman.com)  
facebook : [www.facebook.com/brolover](https://www.facebook.com/brolover)  
tajuk ebuku : 101 tip Mutiara Cinta  
penulis : Razzi Rahman

penerbit : Razzi Rahman Productions

UGRADED VERSION : 2.00 EDITION

DILARANG KERAS mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana kandungan laman ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, cetak, mekanik, fotokopi, rakaman atau pengstoran maklumat termasuk sistem dapat kembali tanpa kebenaran bertulis. AMARAN KERAS! Pihak Razzi Rahman Publisher tidak akan teragak-agak untuk membawa mana-mana individu atau syarikat terus ke muka pengadilan tanpa sebarang amaran! : Pengurus



### **Mutiara Cinta #1**

***“Cara bercinta paling selamat ialah bukan dengan mengawal cinta itu dari hilang tetapi bersedia untuk kehilangannya.”***

Tip : Beranikan diri anda, tabahkan hati dan bersedia menghadapi apa jua takdir yang bakal diterima kerana sesungguhnya, segala-galanya adalah dari kehendak Tuhan. Semuanya adalah ketentuan dari Ilahi.

Semua orang pasti gagal, pasti menempuh saat-saat luka, kecewa dan berduka. Yang penting, anda boleh bangkit cepat dari segala-gala kedukaan dan kegagalan itu. Lantas tersenyum untuk menghadapi satu pertembungan yang baru, risiko baru...pengalaman baru!

### **Mutiara Cinta #2**


***“Kepada dunia, anda hanyalah satu manusia biasa, tetapi kepada satu manusia biasa, andalah dunianya.”***

Tip : Menghargai antara satu sama lain dan saling hormat-menghormati di dalam sesebuah perhubungan akan mempamerkan betapa pentingnya diri orang yang disayangi itu.

Sekiranya dia adalah segala-galanya untuk anda, dialah cinta hati anda, dialah dunia anda, maka biarlah pilihan anda itu juga sama-sama mempunyai niat dan perasaan yang sama seperti anda. Agar, anda tidak terkecewa di kemudian hari. Berpegang kepada keperibadian anda yang menyajungnya, InsyaAllah dia juga akan melakukan perkara yang sama!

### **Mutiara Cinta #3 :**

***“Sesungguhnya, cinta itu bukan buta tetapi insan yang bercinta itu hanya mahu melihat orang yang dia cinta.”***



Tip : Mencintai seseorang dengan membabi-butakan adalah salah satu cara untuk anda menempuh kekecewaan di masa hadapan. “Let your options open”. Maksud saya, di awal-awal perhubungan itu, biarlah diri anda tidak terikat hanya pada seorang sahaja.

Dengan mempunyai beberapa pilihan, itu tidak semestinya anda jahat. Tetapi anda menghargai diri anda. Anda bersifat berjaga-jaga agar pilihan anda tepat dan tidak akan mengecewakan anda di masa hadapan. Ramai yang memegang kata setia, tetapi akhirnya tersungkur kecewa, semuanya kerana anda tiada pilihan lain, dan terpaksa memilih yang tidak tepat pula. Love yourselves a lot more beb!

#### **Mutiara Cinta #4**


***“Penyakit cinta yang amat menyakitkan adalah, mencintai orang yang mencintai orang lain.”***

Tip : Ingin saya sarankan untuk berkali-kalinya, apabila anda dapat tahu yang si dia sudah mempunyai atau sudah pun bertunang, berkahwin, ANDA TIDAK PERLU BERSEDIH! Inilah masa paling best! Cepat-cepatlah melupakan dirinya dan terus saja memulakan lembaran baru dalam hidup anda. Kenal seramai-ramai teman baru, bina perhubungan baru, percintaan baru dengan orang baru!!...anda sudah tidak perlu lagi nak susah-susah takut ada orang yang nak jealous nanti.

#### **Mutiara Cinta #5 :**

***“Jangan berkahwin dengan orang yang anda boleh hidup bersamanya, kahwinlah dengan orang yang anda tidak boleh hidup tanpanya.”***

Tip : Cuba anda jarak-jarakkan pertemuan anda dengan yang tersayang. Sentiasa adakan masa-masa untuk diluangkan bersama kawan atau keluarga



yang agak-agak berjauhan dari bersama dengan si dia selalu. Saat inilah anda akan tahu, adakah anda atau si dia boleh menahan rindu atau tidak. Jika perasaan masing-masing macam biasa saja...cari orang lain je lah! TETAPI jika tak boleh duduk diam dan asyik terasa nak call saja...hmm, dia lah tu!

### **Mutiara Cinta #6**

***“Cinta yang benar-benar cinta, hanya akan lahir setelah segala kecantikan hilang dan musnah. Jika masih cinta, itulah cinta yang sebenar-benarnya. Jika tidak...”***

Tip : Dalam mencari dan mengenali cinta, apa yang anda harus buat ialah mengenali si dia di dalam waktunya yang paling bersahaja. Kalau wanita, biarlah waktu yang tanpa make-up atau tanpa bedak. Kalau lelaki biarlah waktu bangun tidur atau selepas bersukan. kemudian tanya diri anda sendiri, “Nak lagi ke? Suka lagi ke?”


Jika waktu paling buruk, paling busuk, paling kotor anda boleh terima. Maka, di waktu mana, berubah macamana sekalipun rupa dan fizikal, anda tetap cinta. Yang penting...dia pun samalah juga boleh terima. Nanti dia berubah hati, anda tak tahu pun. Berbincang sedari awal beb!

### **Mutiara Cinta #7**

***“Lebih baik pernah dicintai dan kehilangan cinta itu daripada tidak pernah dicintai langsung.”***

Tip : Sewaktu anda di dalam kekecewaan, cuba anda bersyukur banyak-banyak dengan nasib yang menimpa anda itu. Kerana, nasib anda tidaklah seburuk nasib mereka yang langsung tidak pernah bercinta dan tidak pernah dicintai...aduuuu...frust tau mereka ni...

Pernah juga bro duduk berbual-bual dengan mereka yang begitu susah untuk mempunyai kekasih, jauh sekali untuk bercinta dan jatuh cinta. Kesian.... di



dalam diri mereka penuh dengan ketakutan dan keresahan akan perkara yang tak ujud! Risau pada perkara yang langsung tidak ada kena mengena... seumpama orang yang tak pernah keluar dari rumah berpuluh-puluh tahun! Jadi, sekiranya kita terkecewa, dicurangi, terhina dari perhubungan lalu, relax je lah...ada orang yang lebih teruk dari kita yang langsung tidak pernah merasa bagaimana rasa cinta dan dicintai.

### **Mutiara Cinta #8**

***“Tiada ubat untuk mereka yang jatuh cinta, kecuali menambahkan lagi perasaan cinta dan sayang kepadanya.”***


Tip : Di dalam percubaan anda untuk mencapai kebahagiaan yang sempurna, anda kena teruskan momentum anda, JANGAN BERHENTI WALAU SUDAH BERJAYA!.

Maksud saya, walaupun dia sudah terpijak kepada anda...anda mesti teruskan memikat dan terus memberikan sepenuh kasih, sayang dan kehangatan cinta anda itu agar dia benar-benar yakin dengan anda sampai bila-bila. INGAT!... walaupun burung merpati sudah di dalam tangan anda, namun ia masih mampu terbang pergi tau.

### **Mutiara Cinta #9**

***“Persahabatan selalu juga berakhir dengan percintaan, tetapi percintaan tidak akan bertukar menjadi persahabatan kerana perasaan cinta akan sentiasa bersemadi di jiwa yang bercinta.”***

Tip : Sekiranya bekas kekasih anda berkata, “Kini kita hanya sekadar kawan...” Itu hanyalah sekadar mulutnya yang bercakap, bukan datang dari hati nurani. Setiap insan yang pernah bercinta, akan sentiasa merasakan cinta kepada bekas kekasihnya, cuma mereka menyembunyikan perasaan cinta itu dan tidak



mahu meneruskan perhubungan itu lagi. Even walau dia sudah memiliki cinta yang baru, rasa cinta kepada yang lalu masih bergelumang dilubuk sanubari. Apakah anda sendiri dapat melupakan tempat anda jatuh dan terluka? Inikan pula waktu dan ketika anda dilamun cinta...fuuuu. Tapi senyap-senyap je lah, bukan ada apa pun...perasaan tu masih cinta je, tapi cinta yang baru lagi best kan. So lebih baik jangan cakap kat kekasih tu ssshht!!

### **Mutiara Cinta #10**


***“Untuk jatuh cinta dan memiliki cinta itu adalah perkara pertama terbaik, perkara kedua terbaik ialah, jatuh cinta dan gagal dalam percintaan itu.”***

Tip : Setiap kali kekecewaan melanda, anggaplah ianya satu “learning process” Apa yang anda harus buat ialah belajar dari kesilapan yang lalu dan jangan ulangnya. Sebab itulah walaupun anda gagal di dalam percintaan itu namun ianya tetap dianggap perkara yang baik kerana pengalaman itu tidak dapat anda belajar di mana-mana.

### **Mutiara Cinta #11**

***“Warna cinta yang sebenar adalah seperti warna api, ianya keemasan dan kemerahan. Sifatnya juga sama, walau panas dan memedihkan, kita tetap mahukannya.”***

Tip : Mungkin sudah lumrah manusia, perkara yang susah itulah yang selalu dimahunya. Yang di dalam tangan dirasakan hambar. Yang lagi menyakitkan hati itulah, yang lagi mahu dimiliki atau diatasinya. Yang menyenangkan dianggap bosan. Apa anda perlu buat untuk keluar dari sifat kemusnahan diri sendiri ini? ...sebenarnya, saya pun begitu. Sukakan cabaran...nak buat macamana, kan?!



Tetapi, di kemudian kalinya, saya telah belajar sesuatu yang sangat menarik. Apa saya buat ialah, menganggap apa yang saya ada itu susah dan sentiasa menciptakan sesuatu yang baru di dalam perhubungan agar ianya sentiasa ada sesuatu yang belum kita kecap...

### **Mutiara Cinta #12**

***“Cinta juga seperti HANTU...ramai yang bercakap tentangnya, tetapi tidak ramai yang dapat melihatnya.”***


Tip : Sebenarnya, ia bukanlah pelik lagi apabila anak-anak kecil yang baru berumur 12 hingga 14 tahun sudah mula bercinta. Tambahan pula dunia yang semakin hari semakin moden dan dengan peralatan komunikasi yang semakin canggih, teknologi maklumat yang begitu pantas, telah benar-benar mengubah keperibadian manusia, lebih-lebih lagi anak-anak kecil yang baru sahaja mengenal dunia.

Tipnya di sini, berterus-teranglah tentang kebaikan dan keburukkan “BERCINTA DI USIA MUDA” agar sejahtera hidup mereka pada masa hadapan. NAMUN, masih ramai juga yang sudah dewasa tetapi masih lagi tidak memahami tentang cinta. Selalu mempersoalkan tentang cinta tetapi tidak selalu dapat bertahan. Jadi, selalu bertanya dengan orang yang lebih berpengalaman adalah salah satu cara yang paling baik untuk mengetahui perkara sebenar yang bakal anda tempuhi itu.

### **Mutiara Cinta #13**

***“Cinta yang sejati adalah apabila yang kuat menjadi lemah, yang kaya sanggup miskin dan yang hidup rela mati!”***

Tip : Ramai kenalan, kawan-kawan dan orang sekeliling bertanya saya, bagaimanakah mencari cinta? apakah kita akan menjumpai cinta sejati itu?



Jawapan saya sentiasa sama... Tuhan telah mencipta seluruh manusia di muka bumi ini berpasang-pasangan!. Takkan lah pulak anda dikecualikan? Bukankah Tuhan itu maha adil dan saksama?...Di manakah keadilannya jika anda akan terus keseorangan tanpa pasangan yang sejati?

Cuma...tipnya disini, anda sendiri kena berubah terlebih dahulu! TETAPI, Bolehkah anda lakukan? Sanggupkah anda?...Relakah menjadi seorang pencinta sejati yang langsung tidak mengharapkan balasan cinta?, sanggupkah anda ikhlas di dalam memberi kasih dan sayang tanpa memikirkan hati anda yang mungkin akan remuk dikecewakan? Jika anda sanggup...percayalah, suatu hari nanti cinta sejati akan hadir di dalam hidup anda.


Pencarian cinta bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh! Anda seharusnya melengkapkan diri anda dengan sebanyak-banyak pengetahuan yang boleh anda perolehi. Janganlah sesekali fikir yang anda sudah tahu segala-gala tentang cinta...lagikan yang sudah berkahwin 20 tahun pun boleh bercerai... Jelaslah, yang cinta itu sebenarnya sesuatu yang harus anda belajar sampai bila-bila.

### **Mutiara Cinta #14**

***“Jangan lupa menyintai diri anda sebelum anda menyintai orang lain....”***

Tip : Bukan apa-apa, kadang-kadang apabila kawan-kawan memanggil saya Dr Love , dan terus saja meminta berbagai-bagai pertolongan, khidmat nasihat dan rahsia-rahsia cinta, SELALUNYA yang datang itu telah parah digilis dan terlanggar teruk jiwanya. Remuk redam hatinya! Jadi, teruk jugalah Brother Love yang dianggap Doktor nak merawat luka-luka mereka ini.

So, tipnya...sayangilah diri kita lebih dari segala-galanya terlebih dahulu supaya kita menjadi seorang yang tabah untuk keluar ‘BERJUANG’. Bagaimana kita nak memikirkan tentang orang lain sedangkan diri kita pun masih



terumbang-ambing? Diri kita pun masih perlu ditolong, dibantu agar boleh berdiri...aik? Kita nak pandai-pandai menolong orang? Sayangi diri kita dulu beb...biar strong, biar tabah, biar boleh memberi semangat kepada semua orang dulu...

### **Mutiara Cinta #15**

***“Jika anda bercinta dengan 100 orang anda akan mengetahui 100 kedukaan & kabahagiaan. Dan jika anda bercinta dengan hanya 1 orang yang punya pendirian sendiri, anda akan memiliki 1000 persoalan.”***


Tip : Mungkin ramai yang selalu mendengar nasihat dan kata-kata, “Berkawan biar seribu, bercinta biar satu...” Saya mempunyai perspektif agak berbeza. Maksud saya, pengalaman adalah satu perkara yang tersangat penting dalam menentukan kejayaan di dalam sesebuah percintaan. Yang nyata, lebih ramai pasangan yang masih muda bercerai kerana tidak cukup pengalaman! Jadi, jika bercinta hanya dengan seorang sahaja, anda tidak akan menimba ilmu dan pengalaman yang banyak! CUMA, janganlah bercinta ramai-ramai dalam satu masa. One by one laaa... kalau menjadi Alhamdulillah, kalau tidak menjadi... “Masa untuk menimba ilmu baru!”

### **Mutiara Cinta #16**

***“Cinta sejati yang sebenar-benarnya, adalah cinta yang tidak meningkat tua, sentiasa muda dan selalu segar.”***

Tip : Orang putih kata, “Spice it up!” Bukan masuk rempah dalam perhubungan tu... Maksudnya, pelbagaikan aktiviti ataupun rutin harian anda bersama yang tersayang. Selalu bergurau-senda dan menyakat perkara-perkara yang akan membuatkan si dia ketawa terbahak-bahak.

Apabila sesebuah percintaan itu sentiasa menarik dan mengujakan, barulah



percintaan anda akan sentiasa segar. Sesebuah perhubungan perlukan kelainan, perlu pembaharuan setiap masa. Barulah tidak bosan!

### **Mutiara Cinta #17**

***“Cinta yang sejati, sebenarnya tidak pernah mati walaupun sudah berpisah, cinta itu akan terus mekar di lubuk jiwa. Hanya jasadnya sahaja yang sudah tidak bersama.”***

Tip : Cuba buat-buat yang anda mahu berpisah untuk selama-lamanya dengan kekasih anda. Uji dia...jika dia benar-benar menaruh hati dan perasaan cinta yang sejati pada anda, dia akan berkata, “Jika perpisahan yang akan membahagiakan mu, aku rela melepaskan kau pergi!”


Dia sanggup berkata begitu kerana baginya, walaupun dia berpisah dengan anda, dia tetap akan menyintai anda dan mahu anda bahagia. Namun jika dia cuba sedaya-upayanya untuk tidak berpisah walau hanya untuk sementara, dia hanyalah mementingkan perasaannya sendiri. Soalnya, adakah anda sanggup mengujinya? ADA BERANI?

### **Mutiara Cinta #18**

***“Seluruh dunia dilihat bagaikan berada di depan matanya dan seluruh penglihatannya adalah dunia dia”***

Tip : Apabila seseorang yang sudah angau atau begitu teruja jatuh cinta, dia mulai melihat seluruh dunia ini seolah-olah yang dinampaknya adalah hanya orang yang dicintainya itu sahaja. Apa sahaja yang dilihat, dikata, dilakukan mesti ada si dia yang tercinta itu!

Selalunya situasi ini bersifat sementara. Ada lebih baik berpada-pada, agar tidak cepat bosan dengan perhubungan itu. Kita bukan mahu menjalin



perhubungan untuk seminggu dua, atau sebulan tetapi untuk selama-lama. Bayangkan jika beratus-ratus kita boleh hidup, adakah anda masih begitu beriya-iya dengan cinta?

### **Mutiara Cinta #19**

***“Cinta sebenarnya lebih dari sekadar perasaan, ianya datang dari minda yang baik, jiwa yang suci dan hati yang menginginkan ketenangan.”***

Tip : Semasa anda di dalam peringkat mengenal atau baru berkenalan, cubalah perhatikan seri mukanya. Seelok-eloknya, carilah yang jernih wajahnya barulah jernih hatinya. Kalau yang agak keruh, sudah tentu begitu jugalah hatinya itu.

Manis senyumannya, terang sinar matanya maka begitulah juga hatinya. Masam mencuka wajahnya, kuning kelam dan kusam, tiada sinar di matanya begitulah juga peribadinya.

### **Mutiara Cinta #20**

***“Hanya satu kebahagiaan paling utama yang sangat mahu dirasakan oleh sesiapa sahaja, mencintai dan rasa dicinta.”***

Tip : Selalu-selalulah membelai mesra dan menunjukkan kasih dan sayang kepada yang tercinta agar dia juga dapat membuatkan anda terasa seperti yang dia rasakan .

Tiada yang lebih membahagiakan, melainkan rasa dikasihi dan disayangi setiap masa. Maka, curahkan sepenuh kasih sayang kepada pasangan anda, nescaya dia juga akan membuatkan anda juga rasa seperti mana dia rasakan.

*“Lebih 100,000 fan yang mengikuti tip dan teknik cinta berkesan dari Bro Razzi Rahman, setiap hari di facebook Brother Love”*



Anda bagaimana? Jangan terlepas peluang, lawati hari ini!

KLIK DI SINI : [www.facebook.com/brolover](http://www.facebook.com/brolover)

### **Mutiara Cinta #21**

*“Sayangilah dan cintailah dia, keluarganya, kawan-kawannya dan segala-gala tentang dirinya, seolah-olah anda tidak pernah puas berada di dalam hidupnya.”*

Tip : Berbuat baik dengan sesiapa sahaja di dalam keluarga si dia adalah satu perkara yang tersangat baik. Peluang anda amat cerah untuk memenangi hatinya dan langsung dicintainya dengan sungguh hati apabila segala pengalaman bersama keluarga dan kawan-kawannya, menjadi sebahagian dari hidup anda.



### **Mutiara Cinta #22**

***“Kenangan manis sewaktu bercinta bukanlah untuk disimpan tetapi ianya adalah untuk diluahkan.”***

Tip : Jangan sesekali melupakan segala pengalaman silam di dalam percintaan. Walaupun pahit meskipun manis, semaikanlah ia di dalam perhubungan cinta anda di masa hadapan.

Namun seelok-eloknya rahsiakanlah pengalaman itu agar ianya tidak melukakan hati si dia, cinta anda yang baru. Walaupun pengalaman itu pernah anda lalui dulu, jadikan lah ia satu pengalaman baru, cerita baru, dengan orang yang baru anda bercinta.

### **Mutiara Cinta #23**


***“Semua manusia dilahirkan dengan perasaan cinta, namun tidak semua manusia memahami erti rasa cinta itu.”***

Tip : Cubalah meletakkan diri anda sebagai seorang yang tidak ada undang-undang di dalam dunia ini yang boleh menghalang anda dari melakukan apa sahaja. Apakah yang anda ingin lakukan? Di kala itulah anda boleh merasakan erti cinta anda. Di masa itu juga anda akan tahu siapa diri anda yang sebenar.

### **Mutiara Cinta #24**

***“Jika ramai yang berani bercinta, ramailah juga yang akan gembira. Namun sudah pastinya ramailah yang terluka, kerana sudah terlalu banyaklah jenis cinta.”***

Tip : Luahkan perasaan anda, tanpa rasa takut yang menyelubungi hati anda itu. Sesungguhnya, jika dia juga mempunyai perasaan yang sama, dia sebenarnya begitu mengharapkan luahan hati dan perasaan cinta anda itu.



Namun, sekiranya dia tidak dapat menerima luahan anda, syukur alhamdulillah kerana anda sempat menyelamatkan diri anda dari menjadi seorang yang 'syok sendiri'. Keberanian anda itu juga, semestinya membawa anda kepada mengenali jenis-jenis cinta yang lain. ...yang elok, ikut-ikutkan. Yang tak elok tu, janganlah nak cuba-cuba.

### **Mutiara Cinta #25**

***“Cinta membuatkan kita tidak terasa masa yang berlalu, masa pula membuatkan cinta semakin layu.”***

Tip : Sebuah percintaan bukan setakat memiliki cinta itu tetapi seharusnya terus-menerus menyemainya, memaniskannya dan meraikannya buat selama-lama. Kalau tidak, tentu saja ianya akan menjadi semakin pudar...

Tiada guna bercinta jika kehangatan cinta itu hanyalah untuk sementara sahaja dan terus menjadi dingin. Elakkan lah dari berteman dengan si dia yang bersikap sedemikian kerana sesungguhnya mereka yang sebegitu hanya akan menghadirkan sebuah perceraian suatu hari kelak.

### **Mutiara Cinta #26**

***“Selalunya orang menjadi gila apabila bercinta, ...dan selalunya cinta yang digilai itu menjadi tidak terkawal apabila kegilaan melebihi perasaan cinta itu sendiri.”***

Tip : Sentiasa menarik nafas panjang-panjang setiap kali mendengar berita yang menyakitkan hati. Ianya akan melegakan sedikit perasaan anda yang sedang marah atau geram itu. Seelok-eloknya kita janganlah terlalu menggilai si dia, simpan sedikit perasaan untuk memujuk diri anda kelak agar anda akan lebih tenang. Sesungguhnya, oleh kerana terlalu gila dalam bercinta, akibatnya anda akan memusnahkan diri sendiri.



### **Mutiara Cinta #27**

***“Mereka yang tidak kisah jika anda mempunyai kasih yang lain adalah mereka yang juga memiliki yang lain.”***

Tip : Sedar dan kenalilah perangai pasangan anda. Lebih-lebih lagi apabila dia membenarkan anda terlalu sosial dan berkenalan dengan orang lain tanpa menunjukkan sebarang reaksi cemburu.

Ada kemungkinan besar, dia juga melakukan perkara yang sama di belakang anda. Jika anda tidak suka pasangan anda melakukan perkara yang anda tidak suka, ada lebih baik anda berubah menjadi baik terlebih dahulu dan tunjukkan contoh kekasih yang terpuji akhlaknya.

### **Mutiara Cinta #28**

***“Melakukan perkara-perkara yang romantik adalah seperti menyediakan bara yang akan terus membakar dan menghangatkan cinta itu.”***

Tip : Perhubungan cinta seharusnya dipenuhi dengan pelbagai perkara yang boleh menggegarkan jiwa dan mendebarkan hati. Barulah percintaan itu akan kekal selama-lamanya. Menjadi romantik bukan hanya untuk lelaki saja, wanita pun harus romantik barulah syok!

Menjadi romantik bukanlah susah, anda cuma perlu tahu apa yang pasangan anda suka, dan ujudkanlah kesukaannya itu. Jadikan minatnya, apa yang disukakannya, kegilaannya dan kemahuannya itu sesuatu yang paling istimewa sekali dalam hidup anda. Nescaya si dia akan cair dengan anda. Cubalah...tak menjadi, datang jumpa saya, tapi ada pengeras tau hehe.



### **Mutiara Cinta #29**

***“Lebih baik aku terus bermimpi dan bercinta dengan mu di dalamnya, daripada sedar dari mimpi dan melihat cinta mu tiada di sisi ku lagi...”***

Tip : Ibu saya selalu berkata, “Jangan terus bermimpi, tetapi mulalah memegang cita-cita yang tinggi, jadi Perdana Menteri ke, angkasawan ke, superstar ke. Supaya jika cita-cita tidak kesampaian, sekurang-kurangnya tidaklah ke bawah sangat pencapaian kita. Memang betul apa yang ibu kata!. Cuma di kala itu saya tidak mempercayainya.


TETAPI, setelah saya dewasa dan teringat dengan kata-katanya, saya cuba bercita-cita tinggi, dan berniat untuk memiliki kerjaya yang susah untuk saya capai, Alhamdulillah pencapaian saya, not so bad .

Apa kata, konsep ini kita aplikasikan ke dalam persoalan cinta. Dan anda juga turut ikut apa yang ibu saya sarankan... keluar dari mimpi-mimpi indah itu, dan bercita-cita untuk memiliki seseorang yang sangat-sangat anda fikir hebat dan mustahil anda miliki. Mana tahu dapat hehehe...kalau kurang sikit-sikit okeylah. Jadikan cinta anda satu kenyataan

### **Mutiara Cinta #30**

***“Seandainya dia menjadi impian mu, sememangnya dia akan menjadi milik mu!”***

Tip : Abadikan impian anda, bayangkan si dia yang anda inginkan setiap hari agar ianya menjadi kenyataan. Khayalkan dan impikan orang yang bagaimana anda inginkan, macamana rupa orang yang anda mahu kahwini. Ketinggiannya, rambutnya, warna kulitnya, hidungnya, bibirnya, tubuhnya, minatnya, kesukaannya. Impikan apa sahaja yang akan anda suka tentang dirinya!



Rahsianya di sini, khayalkannya, impikannya dan bayangkannya setiap hari... Setelah beberapa lama, kemana sahaja anda pergi, anda akan nampak wajah dan rupa yang seakan-akan anda impikan! Selalunya, jika anda mengamalkannya selama lebih 41 hari, anda akan menghampiri impian anda itu. Ini semua adalah cara otak yang separuh sedar anda berkerja!

Cuba hari ini okey...TETAPI janganlah asyik berkhayal saja. Sertakan dengan doa dan doa anda hendaklah sama dengan apa yang anda impikan, sembahyang hajat juga, biar cukup 41 hari.... Itulah yang saya buat!....Inshaallah menjadi!.

### **Mutiara Cinta #31**

***“Cinta kerana rupa, pangkat dan harta akan menggembirakan, manakala cinta tanpa alasan dan sebab adalah cinta yang akan menggembirakan buat selama-lamanya.”***


Tip : Anda adalah siapa yang anda pilih! Hehehe...betul tak? Anda pilihlah sendiri cinta yang sebagaimana yang anda mahu. Anda yang membuat keputusannya, anda yang mencorakkan hidup yang bakal anda tempuhi.

Seelok-eloknya, pilihlah pasangan yang menghormati dan teguh pegangan agamanya. Apabila dia menghormati agamanya, dia juga akan pandai menilai erti hidup berkeluarga dan akan sentiasa mahu menggembirakan keluarganya.

### **Mutiara Cinta #32**

***“Kita tak sepatutnya bercinta dengan sesiapa sekiranya tiada sesiapa yang dapat ketawa bersama-sama kita.”***

Tip : Pandai berjenaka?? Itu adalah satu aset yang sangat berguna buat lelaki mau pun wanita. Sesungguhnya, sesuatu jenaka yang boleh menghiburkan sehingga membuatkan anda dan pasangan anda ketawa berdekah-dekah,



sudah pasti akan menabur benih gembira di dalam sesebuah perhubungan dan boleh membuat percintaan anda bertambah hangat dan menarik. Ingat...  
KETAWA ADALAH UBAT SEGALA DUKA!

### **Mutiara Cinta #33**

***“Menyintai seseorang dengan sedalam-dalamnya cinta, akan membuatkan anda tabah. Dicintai oleh seseorang dengan sedalam-dalamnya cinta akan membuatkan anda rebah.”***


Tip : Anda mahu dicintai? Menyintai? Atau kedua-duanya sekali? Sudah tentulah anda mahu cinta dan dicintai kan? Perkara utama yang sepatutnya anda lakukan ialah memilih pasangan yang pengalamannya serupa dengan yang anda ada. Kemudian anda bersama-sama belajar soal cinta, sama-sama belajar menghormati perasaan cinta dan sama-sama meraikannya. Barulah anda akan dapat merasa, perasaan cinta dan dicintai.

Tetapi, saya memilih untuk hanya menyintai. Mungkin saya suka dikecewakan?, mungkin juga sebab saya suka terseksa di dalam percintaan?. Atau, mungkin saya mahu belajar mengenal erti cinta sejati, yang mana memerlukan pengorbanan dan persediaan untuk gagal?

### **Mutiara Cinta #34**

***“Apabila kita jatuh cinta, bercinta, begitu menggilai cinta itu, kita mulai mempunyai syak wasangka terhadap cinta si dia yang paling kita percayai selama ini.”***

Tip : Memang akan menyakitkan hati jika pasangan kita berlaku curang. Tetapi adakah anda mahu menjadi tidak bermaruah seperti dia? Jadi, lebih baiklah anda menghargai diri anda sendiri dengan tidak berprasangka buruk dengannya dan terus jujur dan ikhlas dalam bercinta.



Tetapi kalau dah terang-terang dia curang, tidak perlu marah-marah atau menyimpan dendam. Terus mulakan hidup baru dan lupakan dia yang tidak ada nilai lagi untuk difikirkan.

### **Mutiara Cinta #35**

***“Cinta sementara selalunya bermula dengan senyuman, diikuti dengan ciuman dan diakhiri dengan tangisan.”***


Tip : Kekecewaan yang tidak wajar dilalui seharusnya dielak sedari awal lagi. Namun, disebabkan kurang mengenal sifat seseorang yang berniat buruk, maka sesetengah individu itu terkecewa parah.

It's okay kalau dikecewakan kerana, keadaan yang tidak mengizinkan, keluarga yang tidak merestui atau pun sudah tiada cinta lagi. Anda boleh meneruskan hidup anda seperti biasa lagi sebenarnya.

TETAPI, it is not okay jika dikecewakan hanya kerana kita tidak mahu membiarkan diri kita dipergunakan lagi, kita tidak mahu menyerah lagi untuk memuaskan hawa nafsunya! Itu sama sekali saya tidak boleh terima. Habis madu sepah dibuang! Itu adalah kekecewaan yang dicari sendiri. Sebab itulah kita seharusnya melengkapkan diri kita dengan segala ilmu di dada dan belajar mengenal. Berwaspadalah dengan berbagai-bagai cara dan tipu-helah yang begitu berleluasa di masa kini.

### **Mutiara Cinta #36**

***“Lagu bukan lagu sehingga seseorang menyanyikannya, kasih bukan kasih sehingga seseorang merinduinya dan cinta bukan cinta sehingga seseorang sanggup berkorban apa saja kerananya.”***



Tip : Bangun, keluar dan cari bakal kekasih anda! Untuk memiliki cinta, anda seharusnya “work for it to get it!” Cinta tidak akan bersemi jika anda hanya menunggu atau segan-segan untuk mencarinya.

Mencari juga mempunyai berbagai-bagai cara, anda boleh mendarat dalam pencarian, anda boleh cipta situasi cinta dan anda juga boleh mengundang cinta itu hadir di dalam hidup anda. Tanpa usaha yang gigih, anda tidak akan dapat memiliki cinta yang sejati.

### **Mutiara Cinta #37**


***“Mencari cinta bukan bermaksud mencari cinta yang sempurna tetapi bersama-sama belajar erti kesempurnaan di dalam sesebuah percintaan.”***

Tip : Di dalam sesebuah perhubungan, perkara yang paling seronok untuk dilakukan ialah melakukan apa sahaja bersama-sama dengan yang tersayang. Sebab itu jugalah, cinta akan lebih membahagiakan pasangan yang bercinta apabila mereka melakukan bersama-sama pencarian cinta dalam erti kata lain, bersama-sama menyemai impian untuk mendirikan sebuah mahligai yang diidamkan!

### **Mutiara Cinta #38**

***“Sekiranya cintamu begitu agung, tiada yang lebih agung, maka cintaku melebihi keagungan cintamu itu.”***

Tip : Kata-kata cinta adalah sangat berbisa, apatah lagi apabila diucapkan kepada yang mengharapkan sebuah percintaan. Segala janji dan sumpah setia seelok-eloknya janganlah begitu mudah dilafazkan. Fikirlah apa yang berlaku di kemudian hari apabila apa yang dikata, tidak dapat dilakukan.



Kerana, 'mengayat' adalah sesuatu yang terlalu mudah untuk dilaksanakan tetapi mengotakan janji di atas segala ayat-ayat yang telah 'diayatkan' itu adalah teramat payah! Hati-hati, jangan sampai mengecewakan si dia yang begitu halus perasaannya...kesian.

### **Mutiara Cinta #39**

***“Tiada siapa dapat menyembunyikan sekiranya ada cinta di dalam dirinya, tiada siapa dapat mengujudkan perasaan cinta jika ia sememangnya tiada.”***

Tip : Saya selalu sangat menerima email dari berbagai-bagai jenis orang. Kebanyakan soalan-soalan adalah bertanya bagaimana untuk mendapatkan cinta dari orang yang tidak menyintainya ATAU bagaimana untuk membuatkan si dia menyintai mereka. Jawapan saya cukup senang, cari saja yang lain! Cari yang mempunyai perasaan terhadap kita, cari yang menyimpan perasaan cinta itu kepada kita. Mengapa harus memikirkan kepada si dia yang tiada cinta untuk kita di dalam dirinya??!

### **Mutiara Cinta #40**

***“Lebih mudah memiliki si dia yang menyintai kita dari mengharapkan si dia yang kita cinta.”***

Tip : Kerana nafsu, kita sentiasa mahu apa yang kita tidak ada. Apa yang di depan mata selalunya tidak dapat memuaskan hati kita. Begitu juga dalam mencari cinta.

Sudah ada beberapa orang yang tergila-gilakan kita, tetapi yang langsung tidak mempunyai perasaan terhadap kita itulah yang kita duk tergila-gilakan! Semuanya kerana hawa nafsu yang sudah begitu dalam mengawal jiwa dan kehendak kita.

Namun, tidak disangkalkan selalunya yang mahukan kita, yang cintakan kita, adalah yang hodoh, tak lawa, tak cukup tinggi, tak cute, tak ada kelulusan tinggi, hitam...hehehe. Apa daaa... Semua itu psikologi sajalah beb!. Bila dah tak nak, ada sajalah, macam-macamlah yang tak kena. Cuba keluarkan diri anda dari menjadi anda yang sudah nekad tidak mahu menerima dia itu. Cuba jadi orang lain seketika. Pasti anda akan punyai perspektif yang lain!

### **Mutiara Cinta #41**

***“Cinta yang sangat bermakna ialah apabila kerana cinta, ia mengubahkan diri jadi lebih baik, jujur dan berhemah tinggi.”***

Tip : Untuk memiliki pasangan yang baik dan berakhlak mulia, yang boleh membimbing kita turut menjadi orang yang baik dan bersopan-santun, anda mestilah melihat orang-orang di sekeliling anda terlebih dahulu.

Sesungguhnya, orang-orang di sekeliling anda itulah yang sedikit sebanyak akan mempengaruhi pilihan hati anda. Sebenarnya tidak salah sekiranya anda berubah menjadi seorang yang terlalu memilih! Demi untuk masa depan yang cerah dan bahagia, ada lebih baik anda memilih-milih juga kawan-kawan anda, kenalan di sekeliling anda.

***“Ikuti Razzi Rahman daily di Instagram!”***



My life, my family, and my love

KLIK DI SINI : [www.instagram.com/razzirahman.ig](https://www.instagram.com/razzirahman.ig)



### **Mutiara Cinta #42**

***“Memang sukar memiliki cinta, namun adalah lebih sukar lagi untuk memiliki cinta sejati dan mengekalkan cinta itu.”***

Tip : Ramai yang menganggap mencari cinta sejati itu susah...dan apabila sudah memiliki cinta itu, segala-galanya beres! Semuanya senang. Itu adalah satu tanggapan yang amat salah sekali. Sebenarnya, mencari cinta teramat senang, anda cuma perlu membuka hati anda dan memperluaskan kriteria-kriteria yang anda cari.


Yang susahnyanya adalah apabila anda sudah mendapat cinta itu. Ianya seperti menjaga sejambak bunga yang sedang mekar. Bagaimana cara menyiramnya agar sentiasa mekar? Baja yang macamanakah elok untuk diberikan? Banyak manakah cahaya matahari yang diperlukan? Kerana, jika tersilap...bunga yang begitu mekar akan menjadi layu, memburuk, kering dan mati... Namun walau bagaimana baiknya penjagaan anda pun, sampai masa ia juga akan layu... susahkan?

Begitu jugalah dengan cinta yang bersemi...adakala layu, adakala mekar... Sebab itulah, kesabaran yang jitu amat diperlukan oleh pasangan yang sedang bercinta ini. Sama-sama bertolak-ansur agar kebahagiaan dapat dicapai dengan sempurna.

### **Mutiara Cinta #43**

***“Kau kata hitam, aku kata putih dan kau kata benci, aku kata suka. Yang kau kata gila...aku kata cinta. Apa lagi yang kau mahu katakan?”***

Tip : Di dalam sesebuah perhubungan, jika anda mahu mengawal keadaan dan hala tuju percintaan anda, anda seharusnya tampil dan menonjolkan diri anda sebagai 'KETUA' Tidak semestinya lelaki mau pun wanita, mana-mana



pun boleh melakukannya. Anggaphlah sahaja ianya demi untuk kebaikan semua pihak.

Seelok-eloknya, kedua-dua orang harus berbincang dan fikirkan apa yang boleh membaik pulih hubungan anda dan cuba cari apa yang dapat mengubah perhubungan cinta itu agar dipenuhi dengan kebahagiaan.

#### **Mutiara Cinta #44**

***“Bersamamu aku kehilangan diriku, tanpamu aku mulai menyedari diriku yang begitu ingin kembali hilang bersamamu.”***

Tip : Saat saling cinta menyintai adalah saat yang paling manis untuk diingati dan paling susah untuk dilupakan. Seolah-olah hidup ini begitu bermakna sekali apabila anda berada dengan insan yang tersayang. Jadi, hargailah saat itu dengan berlaku jujur, ikhlas dan teruskan kasih sayang dengan penuh romantik. Setiap kali ada salah faham, marah atau sakit hati, cepat-cepatlah mengingati saat bahagia dan kenangan manis anda berdua.

#### **Mutiara Cinta #45**

***“Keikhlasan dan kejujuran di dalam sesebuah percintaan akan mengubat luka di hati pencinta dan yang dicintai.”***

Tip : Kita sentiasa terlupa akan perasaan pasangan kita. Apa yang kita selalu fikirkan ialah hati dan perasaan kita. Sebenarnya, perkara yang cukup senang dan paling penting untuk anda lakukan ialah menonjolkan keikhlasan dan kejujuran kepada yang tersayang dan dengan sepenuh hati anda tunjukkan yang anda begitu mengambil berat tentang diri si dia.

Inshaallah...hatinya akan gembira dan sekiranya ada hati yang terluka, pastinya akan terubat.



### **Mutiara Cinta #46**

***“Cinta pandang pertama adalah cinta yang paling cepat hangat. Tetapi, juga yang paling cepat dingin.”***

Tip : Pernah merasa cinta pandang pertama? Fuhhh...begitu teruja sekali! Namun...sememangnya, sebagaimana cepat cinta pandang pertama bersemi, kemanisannya juga begitu cepat menjadi tawar.

Jadi, sebaik-baiknya apabila anda mulai terasa teruja pada pandangan pertama, ada lebih baik anda cuba menahan sedikit perasaan anda dari terus asyik dibuai asmara yang tidak pasti indahnya.

### **Mutiara Cinta #47**


***“Cintanya kepadaku begitu mendalam sehingga memaksa dirinya memutuskan perhubungan cinta kita agar aku lebih mengenal erti cintanya.”***

Tip : Pengorbanan cinta di dalam sesebuah percintaan begitu penting sehingga ada yang sanggup berpisah demi untuk kebahagiaan masa depan. Namun, tidak semua pasangan yang memahami erti pertemuan dan perpisahan. Ramai juga yang tidak sanggup berkorban demi cinta, lebih ramai lagi yang tidak sanggup dikecewakan. Alangkah ruginya mereka kerana tidak dapat mengetahui pengalaman pahit itu yang begitu manis hikmah di sebaliknya.

### **Mutiara Cinta #48**

***“Memang baik percintaan yang kekal sepanjang hidup namun, ada lebih baik percintaan yang kekal selama-lamanya.”***

Tip : Kenangkanlah selalu saat-saat indah semasa bercinta dahulu kerana perasaan cinta itu sentiasa kekal di dalam diri anda. Segala kenangan lalu begitu menggamit hati dan perasaan. Cinta yang lalu seolah-olah tidak



terucap hebatnya. Segala pengalaman silam begitu manis dirasakan. Tetapi, harus diingat. Janganlah sesekali mempersia-siakan cinta semasa. Yang dulu jadikanlah ia sebagai pedoman hidup. Yang sekarang jadikanlah penyeri hati. Hargailah ia...

### **Mutiara Cinta #49**

***“Seandainya ku kutip bintang-bintang di langit setiap kali ku merasai cintamu, sudah tentunya seluruh langit malam akan kegelapan tanpa sinar dari sebutir bintang pun lagi.”***

Tip : Limpahan kasih dan sayang yang berpanjangan sudah tentu akan membahagiakan kekasih anda. Namun perlu diingat, kadang-kadang terlebih memberi akan memanjakan dia lantas menjadikan dia seorang yang hanya mahu menunggu dan menerima cinta. Bosan pulak nanti...


### **Mutiara Cinta #50**

***“Cinta adalah seperti belajar menyanyikan lagu, mula-mula mesti mengikut garis panduan, kemudian menyanyilah mengikut hati dan perasaan.”***

Tip : Ramai yang melakukannya secara terbalik . Bercinta mengikut hati dan perasaan dahulu dan apabila gagal barulah mencari garis panduan dan selok-belok bercinta. Terasa ke? relek ngaaa....

Sudah berkali-kali saya sarankan, belajar dulu, timba ilmu biar penuh di dada. Kumpul pengetahuan cinta secukup-cukupnya. Barulah anda akan menjadi seorang yang lebih tabah menghadapi hidup yang penuh onak dan duri ini. Barulah anda akan tahu mengawal perasaan dan perhubungan cinta agar kekal bahagia buat selama-lamanya.

Pada pendapat saya, dengan penuh rasa rendah diri, saya memohon dari



anda... Pelajarilah dan fahamilah, ilmu cinta. Ketahui kesemua tipu-helah dalam bercinta. Kenali wajah-wajah pencinta dan sifat-sifat orang yang boleh membahagiakan diri kita sebelum mulai bercinta!

Terlalu ramai sangat yang bercinta dulu dan apabila kecewa, baru nak belajar. Itu yang silapnya, apa yang patut anda lakukan ialah, belajar dulu... “Apabila sudah mahir, barulah boleh berenang dilautan yang luas dik!”

### **Mutiara Cinta #51**

***“Cinta boleh membutakan mata anda, cinta juga boleh membuka mata anda tentang erti cinta yang sebenar.”***

Tip : Bercinta biarlah berpada-pada dan janganlah sekali-kali menyintai si dia dengan membabi-butah sahaja. Namun, janganlah takut membuat keputusan yang salah kerana, dari kesalahan itu anda akan dapat belajar apa yang anda tidak sepatutnya lakukan.

### **Mutiara Cinta #52**

***“Mengetahui, merasai dan diakui sebahagian dari percintaan itu, adalah perkara yang paling mengasyikkan.”***

Tip : Ada pula sesetengah kekasih yang suka sangat menyembunyikan pasangannya. Kerana cemburu, kerana tidak mahu bersama ketika dia bersama-sama kawan-kawannya, kekasih yang kononnya dicintai itu, tidak dibenarkan keluar bersama dan tidak diperkenalkan kepada sesiapa.

Macam-macam alasan yang diberi, semuanya bersifat mementingkan diri sendiri. Ingatlah, perasaan ‘belong’ atau dipunyai itu teramat penting buat kekasih anda. Hargailah hatinya itu.



### **Mutiara Cinta #53**

***“Walau hitam, hodoh dan hancur yang anda fikir tentang diri anda, YANG PENTING bukan anda tetapi DIA. Apa dia fikir tentang diri anda?...”***

Tip : Perasaan rendah diri akan sentiasa menguasai jiwa mereka yang ada kekurangan pada diri masing-masing. Sewajarnya anda tidak perlu asyik memikirkannya sangat. Sekiranya ada yang berkenan dengan anda, walaupun pada tanggapan anda sendiri anda tidak layak buatnya, ITU TIDAK PENTING! Yang penting hatinya suka pada anda, jiwanya sanggup menerima anda. Itu lebih daripada cukup! Pedulikan kata orang lain.

### **Mutiara Cinta #54**

***“Kuasa cinta itu seumpama arus elektrik yang mengalir, memberi kejutan pabila tersentuh. Sekiranya tiada aliran dan tiada kejutan pabila tersentuh si dia, maka tiadalah cinta!”***


Tip : Anda semua sudah tentu pernah merasainya, kan?! Tiba-tiba seriau dan berdiri habis semua bulu roma apabila berdekatan, berbisik, bercakap ataupun tersentuh tangan dengan si dia. Nafasnya yang terhela juga memberikan satu ‘kejutan elektrik’ pada tubuh anda. Hehe...

Itulah tandanya cinta, ada magik di dalam diri masing-masing yang berpotensi untuk memulakan sebuah perhubungan cinta yang hebat dan yang akan membahagiakan.

### **Mutiara Cinta #55**

***“Sekiranya anda ada semangat untuk bercinta, anda juga harus ada semangat untuk menempuh kesengsaraan dalam cinta.”***

Tip : Tabah menghadapi dugaan! Itulah sahaja yang saya pinta. Jangan



cepat putus asa dan kecewa dengan kegagalan. Teruskan perjuangan untuk memiliki kebahagiaan itu. Insyaallah Tuhan akan merestui perjuangan kita sekiranya hati kita ikhlas dan jujur.

Persiapkan diri anda dengan segala ilmu pengetahuan agar anda terus gagah berdiri walau tangisan menyusuri di pipi.

### **Mutiara Cinta #56**

***“Kesucian cinta adalah seumpama air hujan yang jatuh dari langit dan membasahi seluruh alam, menyentuh seluruh jiwa raga yang mengharapkan sebuah percintaan yang abadi.”***


Tip : Walau berlainan bangsa dan agama, namun sebenarnya seluruh dunia mempunyai satu harapan dan satu impian yang sama iaitu memiliki satu cinta yang penuh dengan kesucian, penuh kejujuran dan keabadian.

Menghargai perasaan sesama manusia adalah satu perbuatan yang sangat mulia. Ianya adalah seperti membantu meringankan beban mereka yang di dalam kesusahan, membimbing mereka yang tersesat dan membawa mereka ke jalan yang diredhai Allah swt.

### **Mutiara Cinta #57**

***“Dunia yang mati cintanya adalah seumpama sebuah pusara... dimana, cinta, kasih dan sayang yang masih ada tetapi tidak dapat disampaikan.”***

Tip : Sewajarnya, jika ada cinta yang hendak diluahkan, berilah peluang kepadanya. Betapa peritnya hati sang pencinta sekiranya perasaan yang terbuku di hatinya tidak dapat dikeluarkan, terus tersekat di lubuk jiwa, menyeksa batinnya. Namun, sebaik-baiknya jika anda tidak dapat berbuat demikian, berterus-terang sahajalah. Jika dia tidak mahu faham juga, cubalah



menjelaskan perasaan anda yang sebenar. Sekurang-kurangnya, bahagian anda sudah selesai.

### **Mutiara Cinta #58**

***“Sudah kupenuhi lautan dengan airmata ku, sudah beribu batu ku berjalan demi mu, sudah ku kira bintang-bintang di langit untuk mu, semuanya kerana aku cinta pada mu.”***

Tip : Hakikatnya di dalam dunia realiti ini, tiada orang pun yang bercakap atau bersumpah setia dengan bulan bintang, berjanji manis dengan lautan air mata, jadi berwaspadalah jika bertemu dengan orang yang suka, ‘menanam tebu di tepi bibir’ ini.

### **Mutiara Cinta #59**


***“Apa yang kita lalui bersama dulu, cukup bagus. Apa yang kita lalui sekarang sangat menarik dan apa yang akan kita hadapi nanti adalah yang terhebat...”***

Tip : Di dalam setiap perhubungan, tidaklah berapa baik sekiranya anda sentiasa memikirkan akan masa lampau, tidak bagus juga jika anda asyik memikirkan masa depan. Seelok-eloknya fikir masa sewaktu anda bersama yang tersayang dari masa lalu, sekarang dan akan datang.

### **Mutiara Cinta #60**

***“Cinta suci tidak akan berakhir dengan kebahagiaan kerana cinta suci tiada akhirnya.”***

Tip : Pernahkah anda jatuh cinta? ...bercinta dan putus cinta? ...walaupun perhubungan anda sudah putus tetapi perasaan cinta masih terasa?. Hmm... begitulah cinta yang suci! Ianya akan selalu ada dan tidak akan berakhir.



lanya disaluti dengan perbagai-bagai kisah cinta, dari mula jatuh cinta, bercinta, putus cinta dan terus bersemadi cinta itu di balik-balik sinar mata, yang kadang-kadang terserlah berseri-seri apabila kenangan silam muncul kembali. Rasa tak? Oopps, nanti jangan nangis dulu...relek ngaaa....

### **Mutiara Cinta #61**

***“Wang dan harta sudah tidak bermakna apabila cinta membuatkan anda sudah merasa kaya.”***

Tip : Apa yang anda mahu lagi jika percintaan anda itu sudah anda rasakan seperti memiliki segala-galanya yang ada di dunia ini? Makan, minum, pakaian, wang dan harta sudah tidak penting lagi. Semuanya kerana anda berdua sudah berpuas hati dengan cinta yang anda ada.

Bercinta lama-lama pun kalau hidup terasa seperti kehilangan, tidak cukup kasih sayang dan terasa kosong...apa gunanya, betul tak?

### **Mutiara Cinta #62**

***“Keindahan cinta dapat dirasakan apabila perasaan malu dan segan menyelubungi jiwa yang begitu ingin bercinta.”***

Tip : Anda tentu akan menjadi seorang yang sangat-sangat beruntung dan bertuah apabila buat pertama kalinya anda dapat merasakan keindahan cinta yang mulai bersemi dengan orang yang sudah lama anda inginkan.

Perasaan malu, segan, gementar, takut, teruja dengan situasi yang ditempuhi itu hanya sekali seumur hidup anda dapat rasakan kerana, kali kedua sudah tidak sehebat kali pertama!



### **Mutiara Cinta #63**

***“Amat baik jika berubah demi cinta TETAPI adalah lebih baik jika anda berubah demi kebaikan untuk percintaan itu.”***

Tip : Mempunyai kenalan yang berakhlak mulia dan berhemah tinggi adalah dituntut sebenarnya. Ini adalah kerana, kenalan-kenalan anda itulah yang akan mempengaruhi diri anda. Apatah lagi apabila anda berdua sudah mulai jatuh cinta. Sudah tentunya anda akan menghabiskan banyak masa bersama si dia. Jadi masa-masa sebeginilah yang akan mengubah diri anda.

Pinta saya, pilih dan buatlah keputusan yang tepat. Anda sendiri yang mencorakkan perhubungan anda. Anda sendiri yang mewarnai percintaan anda itu. Berubahlah demi kebaikan...


### **Mutiara Cinta #64**

***“Cinta itu seumpama roller coaster, ada turun dan naik, berputaran dan berbelit-belit, berpusing-pusingan. Tetapi apabila berhenti, mahu naik lagi.”***

Tip : Sifat manusia memang sangat susah untuk dijangka. Kadang-kala tersangat ingin dibelai dan dimanja, adakala pula ingin dilayan sama rata. Perangai sebeginilah yang menjadikan sebuah percintaan itu, selalu bertukar-tukar dan amat mengusutkan!

Tetapi yang peliknya, walau membingungkan, walau menyakitkan hati... manusia tetap ingin memilikinya dan merasakan kekusutan cinta itu. Di saat inilah manusia mulai membuat kesilapan. Bukan membuat keputusan dengan memakai akal fikiran tetapi hanya mengikut hawa nafsu.

Nasihat saya, inilah masanya anda kelilingkan diri anda dengan keluarga dan seramai-ramai kawan. Baik lelaki mau pun kawan wanita akan membuatkan



anda melupakan segala kecelaruan itu dan perlahan-lahan anda akan dapat kembali kepada cara pemikiran yang logik.

### **Mutiara Cinta #65**

***“Dalam percintaan perlu ada komunikasi, cinta tanpa komunikasi adalah cinta yang tidak serasi.”***

Tip : Sesetengah kekasih yang sedang hangat bercinta selalunya akan mendiamkan dirinya walaupun ada sesuatu yang sangat dibencinya bermain-main difikiran dan memberi kesan buruk pada perhubungan mereka.


Ramai yang mengambil sikap untuk berdiam diri semata-mata mahu menjaga perhubungan cinta itu dari meretak. Sebenarnya ini adalah satu perlakuan yang amat salah! Berbincanglah dengan kekasih anda. Ceritakan apa yang anda suka dan tidak suka. Anda juga seharusnya bertanya kepada kekasih anda apa yang dia suka, benci, bosan, menyampah dan sebagainya. Barulah ada komunikasi di dalam sebuah perhubungan.

Salah satu sebab perpisahan dan perceraian berlaku adalah kerana diri masing-masing mendiamkan perkara yang tidak puas di hati. Jadi, lamakelamaan, setelah bertimbun terkumpul di benak, BOOM! Meletup!

### **Mutiara Cinta #66**

***“Hari yang paling merugikan adalah hari yang dihabiskan tanpa gelak-ketawa dan gurau-senda yang pastinya menghasilkan kebahagiaan cinta.”***

Tip : Saya selalu berkata, gelak ketawa itu adalah ubat segala duka. Dalam kajian seorang profesor sains dari Amerika, orang yang suka ketawa adalah orang yang lambat tua, kurang mendapat penyakit dan selalu tenang. Wow!



Mengapa harus bergaduh, marah-marah dan sakit hati? Cubalah selesaikan masalah semasa dengan cara yang terbaik. Cari penyelesaian secepat mungkin agar hidup anda tidak dipenuhi dengan perkara yang tidak berfaedah. Penuhilah hidup ini dengan kebahagiaan demi untuk kehidupan yang cemerlang.

### **Mutiara Cinta #67**


***“Mencuba untuk melupakan dia yang dicintai adalah seumpama  
mencuba untuk melupakan dia yang sebenarnya tidak pernah  
anda kenali.”***

Tip : Aabila satu perpisahan berlaku, sememangnya kita sepatutnya melupakan si dia agar kita boleh memulakan satu lembaran baru di dalam hidup kita. Namun, melupakan orang yang pernah kita cintai adalah mustahil. Salah satu sebabnya ialah kerana, perasaan cinta itu akan sentiasa ada di dalam diri kita.

Jadi, apa yang anda patut lakukan sekarang ialah dengan mula ‘mencuci mata’. Faham kan? Yaa... mula mencari, mula memandang kesana dan sini. Mula ‘menikmati keindahan’ yang ada di sekeliling anda. Buka hati anda kepada yang lain! Lama-kalamaan, si dia yang pernah anda cinta akan hanya dirasakan sebagai satu sejarah silam. Kadang-kadang, apabila anda mendapat pasangan yang lebih lawa, tampan, cantik atau jauh lebih menarik dari yang sebelumnya, anda hanya akan mentertawakan diri anda sendiri kerana boleh jatuh cinta dengan bekas kekasih anda itu.

### **Mutiara Cinta #68**

***“Anda tidak mungkin dapat membuatkan dia menyintai anda...  
namun anda tentu dapat membuatkan diri anda dicintai si dia.”***



Tip : Membuat seseorang untuk senang-senang jatuh cinta kepada kita adalah seolah-olah memaksa orang itu untuk memberi semua hartanya kepada orang yang tidak dikenalnya. Ianya adalah sesuatu yang agak mustahil, melainkan dia sememangnya sedari awal lagi sudah meminati kita. Itu cerita lain.

Namun, menjadikan diri kita lebih menarik, mengubah personaliti kita menjadi lebih bersopan-santun, menyerlahkan penampilan yang menonjol dan hebat, sudah pastinya boleh membuatkan orang akan terpicat kepada kita lantas jatuh cinta dengan kita.

### **Mutiara Cinta #69**

***“Seperti tubuh yang begitu memerlukan makanan, begitu jugalah jiwa yang memerlukan cinta. Makanan menguatkan tubuh, begitulah cinta menguatkan jiwa.”***

Tip : Jiwa tanpa cinta, akan terasa seolah-olah kosong di dalam nya. Seperti menyanyi tanpa melodi, akan terasa mendatar dan kosong lagu itu. Apabila ada melodinya, muziknya, ada ‘feel’ barulah terasa di hati lagunya. Begitu jugalah cinta... perlu ada jiwa, perlu ada semangat dan rasa kehangatannya itu, barulah terasa keagungan percintaannya

### **Mutiara Cinta #70**

***“Cinta bukan tentang memiliki pilihan yang sejati, TETAPI mencipta perhubungan cinta yang sejati.”***

Tip : Kita selalu mahukan satu percintaan yang jujur, penuh kesetiaan dan disayangi, dikasihi sepenuh hati. Tetapi kita tidak pernah fikir apa yang patut kita buat, kita tidak pernah ingat apa usaha yang sudah kita lakukan. Kita hanya mengharap dan terus mengharap.



Cuba tanya diri anda sendiri,

- "Apakah perkara yang sudah aku lakukan untuk dia menyintai aku sesungguh hatinya?"
- "Adakah aku sudah cukup jujur, setia?"
- "Adakah cukup kasih dan sayang yang aku berikan padanya?"
- "Apakah pengorbanan aku padanya?"

Percintaan adalah bukan tentang berapa banyaknya cinta yang anda mahu rasakan, bukan cinta yang anda mahu miliki, TETAPI berapa banyak cinta yang anda curahkan, tenaga dan masa yang anda telah habiskan dan berapa kukuh cinta yang telah terbina pada akhirnya.

### **Mutiara Cinta #71**

***"Jika ada cinta, tidak perlu ditanya cinta atau tidak. Jika ditanya juga, itu sudah tiada cinta."***

Tip : "You sayang kat I tak?...pasal apa you tak nak jawab ni..." Adakah anda dengan pasangan anda begitu? ATAU "I love you...hei!, pasal apa you tak cakap I love you too?!" hehehe.

Kedua-dua contoh situasi dan perbualan ini sebenarnya berlaku apabila anda sudah tidak yakin dengan percintaan anda atau sudah kurang kasih sayang di dalam sesebuah perhubungan itu. Namun, ada juga sesetengah orang yang memang tidak suka menyebut kata-kata cinta ini kerana bagi mereka ianya amatlah terlalu suci dan sangat bernilai untuk senang-senang diluahkan.

Kata-kata itu tidak bermakna apa sekali pun jika pasangan anda tidak mengambil berat tentang diri anda, kasih dan sayang pada anda. Yang penting, tak perlu tanya, perlu rasa, "Ada rasa?...ok. Tak ada rasa KO!"



### **Mutiara Cinta #72**

***“Apabila perasaan cinta menguasai diri, satu tenaga kuat mulai memaksa anda ke arah dia yang telah membuat anda merasa bahagia walaupun hanya di dalam mimpi...”***

Tip : Hati-hati dengan diri anda sendiri. Perhatikan kelakuan anda. Jika anda melakukan perkara di luar jangkaan anda sendiri. Banyak-banyak bawa mengucap. Lihat diri anda di cermin... “Adakah benar ini aku, atau hanya hasutan nafsu dan syaitan?”

### **Mutiara Cinta #73**

***“Cara bercinta paling bahagia ialah dengan menyembunyikan kebahagiaan cinta yang lalu.”***


Tip : “Teman rase-rasenyee, tok sah ler...haaa...tak payah ler! Menyakitkan hati aje!” Sesungguhnya, anda tidak perlu berkongsi pengalaman tentang betapa bahagianya perhubungan anda yang dulu. Ia hanyalah akan menyakitkan hati kekasih anda yang sekarang. Tidak perlu nak mencontohi, tidak perlu nak saja-saja bercerita. Apa yang penting ialah SEKARANG! Bukan yang dulu.

Kadang-kadang kita terlupa dan mulai bercerita segala-gala kenangan manis dan pahit bersama kekasih lama. Niat sebenarnya saja nak tunjuk baik atau nak berkongsi pengalaman. Sebenarnya, anda tidak bercerita tentang kisah silam anda pun...anda tetap baik juga. Banyak lagi cerita-cerita lain yang lebih menarik. Jangan cari pasal beb!

### **Mutiara Cinta #74**

***“Cara bercinta paling menyiksakan ialah apabila anda membongkarkan semua kisah cinta anda yang lampau.”***

Tip : Yang ini saya sangat-sangat tahu, amat-amat faham, mengapa? Ya lah... kan saya tengah membongkarkan segala kisah-kisah cinta saya yang lampau.



Segala pengalaman saya yang silam. Habislah sekarang, semua rahsia dah terbongkar, sejuta persoalan timbul, beribu pertanyaan perlu dijawab dengan yang bercinta dengan saya....

Anda nak rasa penyiksaan saya? haaa...pergilah cerita habis semua sejarah cinta anda pada kekasih anda. Memang tersiksa tau, ianya adalah kerana si dia akan selalu saja ada perkara yang tidak puas hati dan ingin tahu lebih lagi. Tetapi, you know what... kerana cinta saya terlalu kuat, penyiksaan ini saya relakan demi membantu anda semua memiliki cinta sejati, membimbing anda semua agar lebih tabah dan berjaya menjadi sekuat saya.

### **Mutiara Cinta #75**

***“Cinta hanya sebuah perkataan sehinggalah datang seseorang, menyemainya, menyiramnya dan menaburkan kasih dan sayang sehingga cinta itu begitu bermakna.”***

Tip : Ramai yang memandang kepada sebuah perhubungan yang terbina itu seperti sudah selesai pembinaannya. Sebab itulah ramai yang mengalami masalah di dalam sesebuah perhubungan, baik yang sudah berkahwin atau yang masih bercinta.

Ingatlah, kasih dan sayang itu akan pudar jika ia tidak dihiraukan. Seperti sebuah TV usang, apabila dipasang semula gambarnya kabur, cahayanya juga sudah hilang. Tetapi jika selalu dipasang, ditukar fuis baru dan dijaga dengan elok, gambarnya akan selalu cantik, warnanya akan selalu terang dan cahayanya akan selalu bersinar cerah.

Selalu-selalulah menyemai cinta yang sedia ada, buatlah perkara-perkara baru, pergilah bercuti ke tempat-tempat baru. Keluar makan di restoran yang tidak pernah anda berdua pergi. Janganlah sesekali ingat nak cari yang baru... bukan senang...yang ada tu jagalah baik-baik kerana anda belum pasti lagi yang baru itu adalah baik atau lebih hebat dari yang lama.



### **Mutiara Cinta #76**

***“Jangan guna mata untuk mencari cinta, gunalah hati dan jiwa yang boleh mengenal dan merasa, cinta hati saya!”***

Tip : Isteri orang, suami orang pun nak sambar juga? Masyaallah... Bayangkanlah jika isteri atau suami anda orang lain pulak yang sambar. Macamana anda rasa? Suka? Mungkin ada yang terasa... maafkan saya.

Tetapi anda cubalah gunakan hati dan jiwa anda sendiri di dalam mencari cinta yang boleh membahagiakan anda. Bukan hanya untuk hari ini tetapi untuk selama-lamanya. Selalulah letak diri anda di tempat orang lain agar kita boleh berfikir secara lebih rasional.

### **Mutiara Cinta #77**


***“Hanya yang ku pinta adalah sebuah cinta sejati, tetapi apa salahnya kalau ada lebih dari itu.”***

Tip : Sewajarnya, satu-satu perhubungan itu biarlah disulam dengan pemberian-pemberian hadiah yang boleh membuat pasangan anda terharu atau pun teruja.

Sememangnya seorang kekasih yang baik hatinya, tidak akan meminta, baik kekasih lelaki mau pun wanita. Tetapi apabila anda menunjukkan sedikit usaha lebih dengan membeli hadiah atau pemberian romantik atau pun hanya coklat...percintaan anda akan menjadi lebih interesting!

### **Mutiara Cinta #78**

***“Anda jatuh cinta, apabila mata anda hanya memandang tepat ke mukanya dengan mulut anda yang terus terbuka.”***



Tip : Saat yang paling best ialah apabila anda jatuh cinta! Namun, adakah anda benar-benar jatuh cinta? Adakah anda tahu yang anda sedang jatuh cinta? Tiba-tiba sahaja, jantung anda berdebar-debar, anda pun terus saja fikir yang anda jatuh cinta, hehehe... itu biasalah.

Memang situasi itu adalah salah satu cara untuk anda mengenali samada anda sedang jatuh cinta atau tidak. TETAPI yang penting anda tahu ialah, anda jatuh cinta kerana apa?! Kerana rupanya? susuk tubuhnya? kekayaannya? suaranya? atau pun tutur katanya?

Dari sini anda boleh membuat keputusan samada, cinta anda itu adalah yang 'real' atau sekadar kerana nafsu...

### **Mutiara Cinta #79**


***“Jika anda rela berkorban demi cinta, biarlah pengorbanan anda itu untuk cinta yang tiada ternilai harganya..”***

Tip : Berkorban untuk seseorang adalah satu perbuatan yang tersangat mulia. Ramai pula yang kata rela berkorban demi cinta tetapi tidak ramai yang benar-benar sanggup berkorban kerana cinta ni. Pengorbanan yang terbaik ialah apabila ianya tidak memberi sebarang keuntungan kepada anda. Sanggup ke?

Contoh1 : Keluarganya sudah mempunyai pilihan yang lain dan demi untuk kebahagiaan dia dengan orang itu, untuk tidak mengusutkan hatinya yang tidak dapat membuat pilihan, adakah anda rela berpisah dengannya??!

Contoh2 : Adakah anda rela berkorban harta dan wang ringgit demi untuk mengahwinkan kekasih anda yang ditangkap berkhawat. Semata-mata anda tidak mahu dia malu??!

Pendapat saya, jika dia adalah seorang yang sangat suci dan berakhlak mulia, saya rela berkorban deminya. Saya rela berkorban untuk kebahagiaannya.



Saya sanggup kecewa dan rela hati saya hancur berkecai... demi cinta saya padanya...biarlah saya kehilangannya, asalkan dia mendapat apa yang dihajatnya. Sebab itulah telah banyak kali saya terkecewa dalam cinta. Namun, setiap pengorbanan saya ada hikmahnya, dan Alhamdulillah, Tuhan telah menganugerahkan sebuah cinta suci kepada saya.

### **Mutiara Cinta #80**

***“Selalunya kita memandang jauh untuk mencari cinta, sedangkan cinta ada dekat sebelah kita...jangan pandang belakang...pandanglah sekeliling kita.”***


Tip : Peka dengan situasi, kata-kata, perlakuan dan niat seseorang terhadap anda, boleh membuatkan anda mengetahui samada dia menyimpan perasaan terhadap anda. Dalam mencari cinta, ada lebih baik anda menyedari orang-orang yang selalu berada di sekeliling anda.

Dari hari ini, anda mulai tengok semua wajah-wajah yang selalu bersama anda. Tengok perbuatannya, kaji ayat-ayatnya, fikir apakah niatnya. Dari sini, jika anda rasa tidak ada apa-apa yang luarbiasa, barulah anda boleh mencari ke tempat lain. Jika, ada perasaan cinta yang terpendam tetapi tidak dihiraukan, kesian...

### **Mutiara Cinta #81**

***“Sebab utama kita belum menemui cinta yang sejati adalah kerana cinta yang sejati itu belum menemui kita lagi.”***

Tip : Setiap orang yang masih belum pernah bercinta atau tidak tahu bagaimana rasa jatuh cinta, pastinya akan tertanya-tanya bilakah dia akan menemuinya .



Sesungguhnya, Tuhan menjadikan manusia berpasang-pasangan. Jadi bersabarlah, anda akan ketemuinya juga suatu hari nanti. Jodoh anda ada di luar sana. Cuma, apa yang perlu anda lakukan sekarang ialah, bukakan hati anda lebih dari biasa. Kurangkan memikir citarasa anda buat seketika. Banyakkan mengenali perasaan kenalan-kenalan anda. Perlahan-lahan anda akan mengenali cinta. Lama-lama cinta akan menemui anda.

### **Mutiara Cinta #82**

***“Baguslah bila benci katakan benci, bila bosan katakan bosan tapi tidak bagus bila cinta, katakan tidak...”***


Tip : Keegoan yang begitu menebal di dalam diri seseorang selalunya akan membuatkan dia membuat keputusan yang kurang tepat. Akibat terlalu mahu menjaga maruah juga, akan membuatkan anda kehilangan peluang untuk memiliki sebuah cinta yang suci.

Seboleh-bolehnya, peluang yang datang haruslah diambil serius dan bukan memikirkan pangkat, ego mau pun maruah. Sekiranya anda sudah cinta, mengapa tidak diluahkan sahaja.

Anda tidak tahu, mungkin hari ini adalah hari terakhir anda? Mungkin juga anda tidak akan ada peluang yang lain? Besar kemungkinan, Tuhan sudah membawa jodoh anda? Anda tidak akan tahu, sekiranya anda membiarkan saja peluang berlalu pergi hanya kerana takut dikatakan, terdesak, gelojoh ataupun tidak laku. Itu semua tolak tepi... yang penting perasaan anda!

### **Mutiara Cinta #83**

***“Apabila kita membuka hati untuk bercinta dengan sepenuh jiwa, cinta akan membuatkan kita rasa kemanisannya.”***



Tip : Manisnya cinta ialah apabila diri dicintai dengan sepenuh hati, apabila seluruh kasih sayang dapat dirasakan. Tetapi adalah lebih manis jika anda yang membuatkan si dia merasakan segala kemanisan itu.

Sesungguhnya, apabila anda telah menyerahkan segala jiwa dan raga anda, lantas meluahkan seluruh perasaan cinta anda terhadap si dia, anda akan dapat rasakan sesuatu yang paling bahagia yang tidak pernah anda rasai sebelum ini.

### **Mutiara Cinta #84**

***“Apabila anda benar-benar jatuh cinta, segala-galanya pergi berlalu di depan anda tanpa anda sedari sewaktu anda masih berdiri di situ.”***


Tip : Waktu akan berlalu dengan cepat apabila kita ‘berdating’ perasan tak? ...perbualan juga dirasakan begitu pendek walaupun sudah seharian suntuk anda bersama yang tersayang.

Sesungguhnya itulah waktu anda berada di dalam sebuah percintaan yang benar-benar bahagia dan sudah pastinya, kenangan itu akan senantiasa menusuk kalbu.

### **Mutiara Cinta #85**

***“Jika dia impian anda, walau tidak menarik, tidak bijak, tidak lawa, TETAPI apabila anda melihatnya anda tahu dialah yang membuatkan anda tersenyum, ketawa dan menangis, semua dalam satu masa.”***

Tip : Anda yang menentukan siapa yang layak untuk anda bercinta atau pun untuk hidup bersama. Anda jugalah yang mencorakkan perhubungan cinta anda itu, BUKAN ORANG LAIN.



Jadi, janganlah cepat melatah atau sibuk memikirkan apa orang kata. Asalkan si dia sudah cukup membahagiakan hati anda, itu sudah lebih cukup!

### **Mutiara Cinta #86**

***“Orang yang tidak pernah puas akan merasa segunung cinta yang diterimanya masih belum cukup.”***

Tip : Penjelasan demi penjelasan diberikan hanya untuk memuaskan hati si dia namun, lagi banyak hati dan perasaan dengan penuh kejujuran dicurahkan agar kekal perhubungan, semakin itulah juga hati dan perasaan ini diuji, dikeji dan terus dihina.

Janganlah begitu... kesihanlah kekasih anda yang begitu menyayangi anda. Berilah sedikit ruang untuk dia bernafas. Sesungguhnya, keikhlasan dan kesucian cinta bukanlah untuk diseksa dengan prasangka buruk dan tuduhan-tuduhan yang melukakan hati si dia.


### **Mutiara Cinta #87**

***“Tiada guna bercinta jika asyik berdiam diri, tiada guna berdiam diri jika asyik cemburu buta.”***

Tip : Sewajarnya, kalau cinta katakan cinta dan tunjuk kesungguhan anda yang sedang dilamun cinta itu. Selalunya yang suka mendiamkan diri ini, akan menyesal di belakang hari. Sebenarnya, anda seharusnya menceritakan segala hal perasaan hati anda begitu juga apabila perasaan anda yang tidak puas hati, marah cemburu, geram...mesti, “Cakap! Cakap!...”

### **Mutiara Cinta #88**

***“Apa yang cantik tentang cinta, tidak selalunya betul. Apa yang betul tentang cinta tidak selalu cantik.”***



Tip : Kita selalu didatangi orang-orang yang suka bercerita tentang betapa hebatnya percintaan mereka, betapa bahagianya dia, betapa baiknya kekasih dia dan macam-macam lagi yang cuba untuk menceritakan segala kebaikan tentang hubungan cinta mereka.

Pada saya, itu semua hanya mahu menutup aib mereka. Jika sebuah perhubungan yang bahagia, selalunya tiada siapa pun nak bercerita kerana tiada cerita yang menarik untuk digosipkan. Selalunya yang tidak bahagia ni lah, yang suka bercerita.

Kita harus ingat, tidak ada manusia di dunia ini yang sempurna melainkan para Nabi sahaja. Setiap perhubungan, mesti ada waktu pertengkaran, mesti ada masa marah, kecewa, geram dan sakit hati.

Anda tidak perlu cemburu atau geram apabila melihat mereka yang pada luarannya nampak bahagia. Belum tentu lagi perhubungan dia benar-benar bagus, belum pasti percintaannya dipenuhi dengan kasih dan sayang. Jadi anda tidak perlu risau jika anda mempunyai masalah di dalam perhubungan cinta anda. Itu normal!


### **Mutiara Cinta #89**

***“Memenangi hati si dia adalah perkara paling membahagiakan dan kehilangan hatinya adalah perkara yang paling mengecewakan.”***

Tip : Sesiapa sahaja akan merasa happy sangat apabila buat pertama kalinya dapat memenangi hati orang yang telah lama dicintainya. Perasaan yang tidak dapat digambarkan bahagianya. Namun, sekiranya hati yang telah ditawan tadi, terlucut dari genggamannya dan menghilang, teramatlah sedih sekali.

Apa yang anda perlu lakukan di sini ialah, rasakan kebahagiaan itu secukupnya dan menghargainya dengan mengabadikan kenangan bagaimana

---



mulanya cinta bersemi. Jadi, sekiranya ia hilang... sekurang-kurangnya pengalaman manis anda dan dia dapat anda jadikan pedoman hidup. Cara begitu, akan membuatkan anda lebih tabah.

### **Mutiara Cinta #90**

***“Mendapatkan cinta tidak susah, tidak juga mudah!”***

Tip : Ramai yang menganggap untuk memiliki cinta itu, senang. Lebih-lebih lagi mereka yang dikategorikan mempunyai rupa dan harta. Namun, ramai juga orang-orang yang dari golongan ini memiliki masalah dan putus cinta.

Paling banyak permasalahan cinta yang meminta pandangan saya ialah mereka yang sebenarnya senang memiliki cinta dan mereka yang mempunyai ramai peminat.


Jadi, apa yang kita perlu bersedia di sini ialah, jangan sesekali memandang remeh atau menganggap bercinta itu senang. Hati dan perasaan kita mesti tabah dan teguh menerima dugaan.

### **Mutiara Cinta #91**

***“Kosongnya hati tanpa cinta, tetapi lebih kosong bercinta dengan dia yang punya hati pada yang lain.”***

Tip : Hidup serba tak kena. Kalau bersendirian, ingin berteman. Bila bercinta, menyakitkan hati, curang, cintanya pada orang lain. Serba salah dibuatnya. Saat ini adalah saat yang paling mengusutkan dan juga menyedihkan. Hati begitu ingin memiliki sebuah cinta namun, si dia sudah hilang perasaan dan kehangatan cintanya.

Berdoa sudah, berusaha sudah, cuba membuat situasi yang berbeza-beza



sudah. Tapi si dia masih tidak menunjukkan perubahan. Sentuhannya, perbualannya, langkahnya, begitu longlai...

Jelaslah dia sebenarnya tidak bahagia dengan anda. Sudah sampai masanya kita menerima ketentuan dari Illahi. Sudah tiba waktu untuk kita berundur. Berilah peluang kepadanya untuk mencari cinta yang lain. Mungkin, setelah dia bebas...barulah dia dapat membezakan antara kaca atau permata?

### **Mutiara Cinta #92**

***“Jangan asyik ingati kenangan manis kerana ianya sudah bersemadi di lubuk jiwa, ingatilah kenangan pahit kerana ianya sentiasa abadi di dalam hati.”***


Tip : Kadang-kadang kalau kita asyik mengingati kisah silam yang indah-indah, kita mulai mahu bercerita tentangnya dan mulai mengingatnya kembali, sehinggakan tidak dapat melupakannya. Kenangan pahit tidak pula mahu diingati...

It's okay... selalunya kenangan pahit memang tak best lah nak diingat betul tak. Namun, sebenarnya kenangan manis dan pahit akan sentiasa ada di sanubari. Dan dari keseluruhan kenangan itulah kita dapat belajar untuk lebih berhati-hati dan pandai menangani masalah di masa hadapan.

### **Mutiara Cinta #93**

***“Anda kebingungan tentang perasaan cinta? Itu adalah tanda pertama anda sedang jatuh cinta.”***

Tip : Tak tahu apa nak buat, bingung? tersengih seorang diri tanpa mengetahui apa sebabnya? Itulah tandanya anda sedang dilamun cinta! .



Enjoy the moment! Saat inilah yang paling best sekali. saya dah lama lepas dah... Jangan lupakan saat ini, ingatilah ia sampai bila-bila, nescaya ianya akan memberi senyuman di wajah anda di suatu hari kelak.

### **Mutiara Cinta #94**

***“Menyintai seseorang seumur hidup walaupun dia tidak menyintai kita, adalah lebih mulia dari menunggu dicintai sepanjang zaman.”***

Tip : Adakah anda rela berkorban dan melupakan ego dan maruah anda? Jika anda sanggup berbuat demikian, cintailah si dia yang sudah pun membuat keputusan untuk bercinta dengan orang lain.

Cintailah dia sesungguhnya hati walaupun anda tahu anda tidak akan dapat memilikinya. Sesungguhnya perbuatan anda itu tersangat mulia di hati sang pencinta dan sangat murni pada yang dicinta.


Janganlah anda hanya menunggu untuk dicintai seolah-olah kedudukan anda terlalu hebat sehinggakan orang terpaksa menunduk kepada awak, pleaseelah!

### **Mutiara Cinta #95**

***“Manusia selalu menyintai yang tidak menghiraukan cintanya dan manusia juga tidak menghiraukan yang menyintainya.”***

Tip : Perasaan seseorang individu itu tersangatlah susah untuk diagak. Apatah lagi perasaan mereka yang bercinta. Tetapi peranan nafsu dan keegoan manusia harus kita pelajari dan hindarkan yang buruk itu. Lebih-lebih lagi yang hanya mahu melihat apa yang dia mahu lihat.

Lumrah manusia, sewaktu terang ramailah yang datang dan bila gelap, hilang



kasih, hilang saudara. Sebab itulah, gajah depan mata tidak nampak, kuman seberang laut yang dikejarkannya. Walaupun ada 10 orang yang berminat dengannya, 1 orang yang lain itu jugalah yang dia mahu. Jadi, terimalah seadanya.

### **Mutiara Cinta #96**

***“Halangan cinta paling besar dalam sebuah percintaan ialah perasaan takut tidak dicintai.”***

Tip : Apabila perasaan takut akan kehilangan, takut dikecewakan dan takut tidak dicintai lagi melanda di dalam diri anda, apa yang anda perlu buat ialah tetapkan iman di jiwa, cekalkan hati dan perasaan, teguhkan pendirian anda dan bersedia menghadapi perpisahan!

Tiada gunanya lagi jika anda asyik bertengkar, bergaduh, marah-marah dan sakit hati, hanya kerana anda sudah tidak dapat merasakan cinta itu lagi.

### **Mutiara Cinta #97**

***“Memang tiada yang boleh jadi sempurna di dunia ini, TETAPI ada yang boleh menjadikan diri anda rasa sempurna.”***

Tip : Carilah dia, burulah dia. Dialah yang akan membahagiakan anda sampai bila-bila. Jangan risau, ramai yang boleh menjadikan diri anda rasa sempurna. Tetapi, selalunya tentulah setelah dia benar-benar cintakan anda. Jadi, apabila sebegitulah rasa kita, tentulah mood pun sentiasa baik, hati sentiasa tenang. Tiadalah pertelingkahan.

Masalahnya, bila dah lama bercinta haaa...mulailah nak memburuk antara satu sama lain. Mulailah saling mengata, saling memburukkan keluarga masing-masing. Hilang segala cinta, kasih dan sayang. Hilanglah segala yang dianggap sempurna!



### **Mutiara Cinta #98**

***“Ingin tahu berapa nilainya cinta si dia? ...tinggalkan lah cinta itu... lupakan cintanya!”***

Tip : Manusia selalunya hanya dapat melihat apabila mereka sudah kehilangan apa yang milikinya. Semasa mempunyai segala-galanya, perasaan tidak puas hati, bosan dan benci mulai menguasai. Semuanya kerana hasutan Syaitan dan hawa nafsu yang membuak-buak memaksa untuk berpisah.

Di saat itulah anda mulai membuat keputusan yang bakal anda kesali. Anda mulai akan terasa betapa bodohnya diri anda kerana tidak menghargai cinta yang sudah dimiliki selama ini.

Namun selalunya, saat kesedaran hanya muncul setelah segala-galanya sudah terlambat. Di masa itu, barulah anda sedar yang betapa ruginya anda kerana tidak menjaga cinta itu dan membuangnya tanpa mengira betapa susahnya untuk mendapatkan cinta yang sebegitu kembali.


### **Mutiara Cinta #99**

***“Kegagalan cinta yang lalu adalah kerana kejayaan cinta yang bakal menjelma.”***

Tip : Kita selalu marah-marah dan kecewa apabila ditinggalkan kekasih atau pasangan kita membuat keputusan untuk berpisah. Apa yang kita semua tidak nampak ialah, “Mengapa kita berpisah? Mengapa kita gagal dalam cinta? Mengapa dia sanggup menyeksa kita sebegini??!! Ahhh!!!...geramnyer!!!”.

Anda marahlah sepuas hati anda, anda geramlah tetapi sebenarnya semua soalan anda tadi tidak penting!, itu hanyalah soalan mengikut nafsu.

Suatu hari, apabila ada seseorang yang muncul dalam hidup anda, anda akan



mulai berkata... “Ooo...patutlah aku berpisah dengan dia tu dulu kerana jodoh aku dengan dia ni...” Anda juga mulai menyedari yang jika anda tidak berpisah dengan si dia dulu, sudah tentu anda tidak akan berjumpa dengan si dia yang ini. Betul tak?! Sekarang...puas hati?

### **Mutiara Cinta #100 : New**

***“Indahnya putaran masa yang dapat kita ulangi semula saat manis. Namun, lebih indah jika masa terus berputar dengan saat manis yang terus kekal bersemi.”***

Tip : Sesebuah perhubungan memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak. Jika tidak, kita akan terus menerus mengimpikan kisah silam, merindukan saat-saat manis tika anda berdua saling mengiyakan tentang apa-apa sahaja.


Itulah gunanya, perkenalan. Cuba mengenali antara satu sama lain tentang keunikan, kebencian, keburukan, kesulitan akan hidupnya, dirinya...semua tentangnya. BUKAN memenuhi pertemuan itu dengan meraikan cinta syahdu, mengasyikkan sentuhan hangat sehingga terlupa mengenalinya...

Akibatnya, setelah bertahun bersama...pasti ada banyak yang tidak kena. Pasti banyak yang tidak suka! BERHENTI dari hidup di masa lampau sebaliknya usahakan agar bahagia hidup di masa kini.

### **Mutiara Cinta #101 : New**

***“Penantian yang tak pasti seumpama satu mainan mimpi!”***

Tip : Bukan anda sahaja, bro juga sama...bro juga pernah mengalaminya. Bro juga pernah jatuh cinta, mencintainya tetapi langsung tidak mengerti samada dia akan dimiliki atau hanya sekadar kekasih ditepi bibir sahaja.



Niat kita memang mahu saling sayang, niat kita memang mahu saling rasa memiliki cinta dan kasih itu. TETAPI, adakah dia juga begitu? Atau diri kita dikehendaki di waktu dia memerlukan seseorang sahaja. Bukan diperlukan pada setiap masa.

Lalu, kita menanti dan terus menanti saat itu, kita terus menunggu cintanya, kasihnya....tapi sayang, dia muncul hanya bila perlu, dia hilang lagi bila segala cinta dan kasih sayang selaut dipenuhi. Jauh di sudut hati, kita faham dan mengerti namun, kita mahu dia... alangkah susahnyanya bila cinta sudah terpaut, terikat pada yang satu.

Namun, kehadiran seseorang sebagai pengganti, nyata pasti dapat mengubahkan segala-galanya. Doakanlah saat yang diidamkan itu...

---

***“Apakah kau dan aku bisa bersama suatu hari nanti? Hanya Tuhan yang menentukannya...tiada suatu pun yang pasti, aku hanya dapat memohon kurniaan dari yang Maha Esa!”***

razzi rahman @ brother love  
“Penyanyi & Penulis buku/ebuku Cinta Popular”  
Razzi Rahman  
[www.razzirahman.com](http://www.razzirahman.com)

Alhamdulillah...syukur kepada ALLAH swt kerana kita akhirnya dapat bersama-sama menghabiskan ebuku 101 tip Mutiara Cinta ini dengan satu pengertian cinta yang mendalam, itulah harapan Bro Razzi sebenarnya. Saya rasa amat berpuas hati sekali kerana berpeluang untuk membantu anda. Dan pastinya anda juga merasa lebih berpengetahuan dari biasa, kan?

Harapan Razzi, agar anda semua yang sudah membaca ebuku ini, fahamilah betul-betul dan kenalilah pasangan yang bakal anda jadikan pasangan hidup selamanya itu. Biarlah dia yang benar-benar boleh memberi segala kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Akhir kata saya ingin mengucapkan Salam sejahtera cinta, semoga anda temui kebahagiaan yang abadi. Saya panjatkan doa agar Allah memberkati kita semua, InsyaAllah!

“Semua yang baik pastinya datang dari Allah,  
semua yang buruk itu adalah dari kelemahan saya...”

Razzi Rahman : Sept 08 2008

Upgraded Version : 2.00 Edition

**“Miliki satu lagi karya RAZZI RAHMAN  
yang banyak memberi manfaat dan dapat membantu anda!”**

eBook 101 cara Memikat Lelaki

Untuk maklumat lanjut klik di sini :

<http://www.razzirahman.com/ebook101man.html>

